

## **Bab Kelima**

### **Kesimpulan**

#### **1. Pendahuluan**

Kedatangan penjajah ke Tanah Melayu telah meminggirkan masyarakat Melayu ke kawasan pedalaman. Dasar kerajaan British yang terbuka terhadap kemasukan penduduk-penduduk migrasi telah mendominasi ekonomi orang Melayu. Akibatnya orang Melayu hidup dalam kemunduran dan kemiskinan di samping menghadapi persaingan dari kaum bukan bumiputera untuk mencari sumber ekonominya sendiri. Akhirnya ramai di kalangan orang Melayu sendiri mula pasrah dengan nikmat hidup yang dikecapinya. Kehidupan serba kekurangan di kawasan pertanian memburukkan lagi ekonomi orang Melayu.

Atas kesedaran itu, beberapa orang tokoh pemimpin bangun untuk mengubah nasib bangsanya sendiri melalui pelbagai kaedah termasuk bidang penerbitan yang suatu ketika dahulu menjadi agen utama dalam menyebarkan informasi kepada masyarakatnya. Atas inisiatif itu, lahir beberapa buah akhbar dan majalah berjuang untuk memberi kesedaran kepada bangsanya agar tidak mengaku kalah sebelum berjuang untuk merebut semula hak-hak yang sememangnya menjadi milik kita sebagai bumiputera Malaysia.

#### **2. Kesimpulan Umum**

Menyelusuri sejarah kebangkitan bangsa Melayu, muncul beberapa buah akhbar mencetuskan semangat nasionalisme Melayu. Dimulai dengan *al-Imām*, Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Mohd Taha cuba mengajak masyarakat Melayu agar sentiasa berfikir, memandu ke arah kebenaran, berikhtiar dan sentiasa tidak mudah menyerah kalah kepada takdir serta menekankan kepentingan pendidikan bagi memajukan bangsanya.

Kemudian aktiviti penerbitan berkembang ke Pulau Pinang memperjuangkan ideologi yang sama. Dengan ini menjadikan Singapura dan Pulau Pinang menjadi lokasi terpenting dalam menyumbang kepada aktiviti persuratan di Tanah Melayu. Dari tahun 1894 hingga 1941, dianggarkan lebih kurang 11 buah akhbar dan 23 buah majalah muncul di sekitar Pulau Pinang. Dengan keghairahan masyarakat Pulau Pinang terhadap idea-idea pembaharuan telah menyemarakkan lagi membuka lembaran baru terhadap aktiviti penerbitan akhbar dan majalah. Majalah-majalah seperti *Idaran Zaman*, *al-Ikhwān* (1926 – 1931), *Saudara* (1928 – 1941), dan *Malaya* (1926 – 1931) membuktikan berkembangnya pergerakan islah Kaum Muda dan secara tidak langsung telah menghidupkan kegiatan penulisan dan percetakan di negeri itu.

Atas kesedaran di kalangan para ulama dan pemikir Islam, lahirlah dunia islah di Tanah Melayu. Terdapat tiga tahap perkembangan, pertama (1906 – 1930-an), perkembangannya lebih bersifat menyedar, membangun dan mengukuhkan konsepsi pegangan umat Islam. Manakala tahap kedua pula (1940 – 1948-an), perjuangan telah semakin matang dengan diwarnai oleh penjajahan Jepun dan kemunculan parti-parti politik yang memperjuangkan semangat nasionalisme. Kemudian tahap selepas merdeka (1957 – 1970-an), berlakunya kebangkitan semula Islam di seluruh pelusuk dunia apabila tercetusnya Revolusi Iran. Malah konsep perjuangan yang ditunjukkan di dalam sejarah gerakan islah juga semakin didominasi oleh isu kemerdekaan. Perjuangannya diperluaskan meliputi bidang pendidikan, sosial, ekonomi dan politik yang digerakkan oleh pertubuhan-pertubuhan tertentu.

Perkembangan selepas merdeka juga, memperlihatkan keagresifan pergerakan islah dalam mengisi agenda-agenda kemerdekaan. Kesibukan dalam membangunkan negara, menyebabkan nilai-nilai kerohanian terabai. Oleh itu, dengan kepulangan pelajar-pelajar Melayu dari Timur Tengah dan pengaruh dari India telah menyemarakkan lagi dunia islah. Kelompongan terhadap dunia pemikiran membuka

ruang kepada cendiawakan-cendiakawan dari pelbagai pelusuk menabur idea-idea islahnya di Pulau Pinang dalam usaha menegakkan semula cara hidup Islam.

Begitu juga tidak ketinggalan dalam bidang persuratan, ia menunjukkan kematangan apabila mass-media mula menyongsong arus kebangkitan kesedaran dengan mempraktikkan dunia penerbitan sebagai alat bantu dalam menyuarakan pendapat. Ini kerana media massa dirasakan adalah sebuah medium yang amat fleksibel di samping pendekatan menerusi pembelajaran. Dan salah satunya ialah *Majalah al-Islah* (Feb 1970) yang lahir hasil dari cetusan kemuncak kebangkitan islah. Kelahiran *Majalah al-Islah* ini dilihat sebagai salah satu usaha dalam mengimbangi perkembangan majalah agama yang mengalami revolusi penerbitan majalah di Malaysia.

### **3. Kesimpulan Khusus**

Kesimpulan khusus pengkaji dimulakan dengan ringkasan dari bab dua dengan tajuk “Haji Yusof Rawa dan Pergerakan Islam Di Malaysia”. Apa yang dapat disimpulkan di dalam bab ini ialah mengenai pergerakan Islah di Tanah Melayu yang bermula sebelum merdeka lagi iaitu dari tahun 1906 hingga kini, gerakan islah masih bergerak secara aktif, cuma yang membezakannya ialah kaedah dan pendekatan yang digunakan mengikut kesesuaian masa dan tempat. Dengan pengaruh yang kuat dari Timur Tengah dan India telah membuktikan bahawa pergerakan islah di Tanah Melayu memperoleh ‘guru-guru’ islah yang hebat.

Jika tahap pertama dari tahun 1906 hingga 1930-an dilihat sebagai tahap penyedaran dan memberi nilai kefahaman kepada masyarakat Islam, namun pada tahap kedua (1940 hingga 1948-an), gerakan diperkuuhkan lagi dengan kemunculan parti-parti politik dalam meniupkan semangat kebangsaan dalam menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Kemudian tahap selepas merdeka (1957 hingga 1970-an), kebangkitan semula Islam menjadi semakin rancak apabila masyarakat sudah mula menyedari akan

pentingnya nilai-nilai jati diri dan kerohanian dipertahankan dalam diri setiap umat Islam.

Maka atas dasar itu, Tuan Haji Yusof Rawa sebagai salah seorang ahli parti politik dan pejuang islah di Malaysia telah turut sama memainkan peranan dalam memperjuangkan idea-idea pembaharuan. Metode yang digunakan ialah dengan menjadikan persuratan sebagai agen utama dalam menyebarkan idea islahnya. Namun sebelum pengkaji menyentuh secara lanjut mengenai aktiviti penerbitan yang dijalankan oleh Tuan Haji Yusof Rawa, suka untuk pengkaji mengulas ringkas mengenai biografi pengasas *al-Islah* ini. Walaupun sebelum ini kajian mengenai Tuan Haji Yusof Rawa dan *Majalah al-Islah* telah banyak dijalankan oleh pengkaji terdahulu, namun kajian ini adalah untuk melengkapkan kelomongan kajian sedia ada. Pengkaji terdahulu hanya membincangkan tentang sejarah biografi, peranan dan sumbangan secara umum sahaja.

Dengan latar belakang Tuan Haji Yusof Rawa yang didedahkan dengan sekolah Inggeris, *Government English School* dan *Penang Free School* membuka mindanya untuk mengikuti kemajuan yang dikecapi oleh dunia Barat. Kemudian atas saranan bapanya Haji Abdullah, beliau dihantar ke Mekah untuk menyambung pengajian ilmu agama dan Bahasa Arab di Ma'ahad al-Falah telah berjaya memperoleh *Diploma Takhassus al-Dini*. Dan teras pengajiannya di Mekah telah membentuk kefahaman akidah kepada permasalahan umat yang pada zamannya melalui zaman kemalapan kerana rata-rata bumi Islam dijajah pada ketika itu. Di samping itu, beliau turut mengikuti perkembangan pemikiran dunia Islam. Pemikiran tokoh-tokoh Islam seperti Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Abduh, Hasan al-Banna, Syed Qutub dan lain-lain tokoh Ikhwan diikuti dengan penuh minat. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mempengaruhi Tuan Haji Yusof Rawa dari segi fikrahnya terhadap Feqah Ibadat dan Feqah Siasah.

Mengikuti perkembangan semasa yang berlaku di dunia Islam telah mengubah perspektif dan banyak mengajarnya erti pemikiran Islam kontemporari. Hasil cetusan hatinya dalam mengenal suasana baru dalam fasa kehidupan, menuntut beliau untuk bergerak seiring dengan perubahan semasa. Bermula sebagai seorang mahasiswa, beliau mula melibatkan diri dalam aktiviti pergerakan pelajar. Beliau menganggotai Persatuan Pelajar Melayu Mekah dan pernah menjadi Setiausaha Agung Lembaga Tanah Melayu dalam usaha membantah penubuhan Malayan Union dari luar negara bagi menuntut kemerdekaan negara. Pada tahun 1947, akhirnya Tuan Haji Yusof Rawa pulang ke tanahair dengan gabungan ilmu agama dan sekular. Adunan dua bidang ilmu inilah yang kemudiannya membentuk personaliti beliau sebagai seorang ulama dan juga seorang profesional. Satu personaliti menarik yang amat didambakan oleh pemimpin-pemimpin kita pada hari ini.

Kemudian di dalam bab seterusnya, “Perkembangan Majalah dan *Majalah al-Islah*”, kesimpulan yang dapat dinyatakan, perkembangan majalah di Tanah Melayu seringkali mengalami pasang surut di dalam ekonomi penerbitan. Kebanyakan akhbar dan majalah yang diterbitkan pada dekad pertama hingga dekad ketujuh lebih bersifat memberi tunjuk ajar berbanding dekad selepasnya termasuk di hujung dekad ketujuh, aktiviti penerbitan lebih bersifat komersil. Bahan-bahan berbentuk santai, ringan dan menghiburkan lebih menjadi keutamaan berbanding bahan-bahan bacaan yang agak berat di samping mengalami persaingan dari akhbar-akhbar berbentuk tabloid dan kecanggihan teknologi dalam menghasilkan kertas bermutu tinggi dengan gambar yang berwarna-warni menjadi daya penarik pembaca untuk mendekatinya.

Sungguhpun begitu, walaupun terdapat saingen dari akhbar dan majalah berbentuk hiburan, itu tidak bermakna bahawa akhbar dan majalah berbentuk agama-islah sudah terkubur. Dengan kerancakan dunia islah di Tanah Melayu, bidang persuratan Islam juga turut menyumbang kepada aktiviti penerbitan. Beberapa buah

majalah berbentuk agama dan islah turut dipasarkan atas kesedaran untuk memberi bimbingan, panduan dan pendedahan kepada masyarakat yang ketika itu terdedah kepada *shock culture* budaya Barat. Antara majalah yang terbit ialah *Majalah al-Islah* yang diterbitkan oleh Tuan Haji Yusof Rawa.

Dengan penerbitan *Majalah al-Islah* pada 15 Februari 1970/9 Zulhijjah 1389 H, sekaligus ia telah menyahut panggilan islah untuk bersama-sama memperjuangkan nasib bangsa Melayu dan memberi teguran ke arah pembaikian. *Al-Islah* ini diterbitkan dua kali sebulan sekali pada 1 dan 15 haribulan. Majalah ini diterbitkan oleh syarikat percetakan Zi United Press, 29E Dato Keramat Road, Pulau Pinang dengan berukuran 7.2 x 10.1 inci dengan harga 30 sen senaskhah. Mempunyai purata 16 hingga 32 halaman bertemakan agama Islam sebagai subjek utama penerbitan. Namun mulai jilid keempat sekitar tahun 1973, ukurannya telah ditukar kepada saiz yang lebih kecil iaitu 11 x 7.75 inci dengan harga yang sama dan masih mengekalkan sistem tulisan Jawi walaupun pada ketika itu telah adanya hasrat oleh pihak kerajaan untuk mengaktakan Bahasa Melayu (rumi) sebagai bahasa kebangsaan.

Dari segi pengisian pula, majalah ini dilihat mampu memberi pertimbangan dan ketegasan kepada pembacanya agar sentiasa terkehadapan serta sedar bahawa Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum jika ia tidak mengubahnya sendiri. Ini selaras dengan moto yang digunakan oleh *al-Islah* bertujuan memberikan suatu pembaikan dan pembaharuan ke atas umat Islam di samping “*mendokong cita-cita yang cukup besar, membawa tanggungjawab yang cukup berat, ingin berbakti dan berkhidmat kepada ugama, bangsa dan tanah air*”, di samping menyeru dan berdakwah ke arah amar makruf nahi munkar dalam cita-cita mengabdikan diri di bidang dakwah Islamiah dalam bentuk tulisan.

Oleh itu di dalam bab keempat melalui *Majalah al-Islah*, isu orang Melayu dan Islam mula menjadi fokus utama penerbitan. Zi United Press mula membuka lembaran baru dalam dunia penerbitan majalah selepas merdeka. Pelbagai isu disentuh antaranya aspek pendidikan. Rungutan dan rintihan dicoretkan mengenai nasib anak-anak Melayu yang masih lagi tercicir di dalam bidang pelajaran. Walaupun telah banyak sekolah rendah, menengah dan maktab perguruan ditubuhkan, namun kedudukan sekolah-sekolah Melayu masih jauh terpinggir serta penggunaan Bahasa Melayu di sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi (IPT) masih tidak begitu jelas. Begitu juga halnya dengan nasib sekolah-sekolah agama tidak diberikan perhatian serius oleh pihak kerajaan berbanding sekolah-sekolah Inggeris.

Pada dekad ini memperlihatkan badan-badan pertubuhan dan tokoh-tokoh kebangsaan bangkit memperjuangkan hak anak-anak Melayu dalam bidang pelajaran. Pelbagai bentuk galakan dan bantuan diberikan agar dapat melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi di samping Bahasa Melayu dijadikan bahasa pengantar di semua sekolah dan IPT. Selain itu, pertubuhan-pertubuhan Islam dan orang perseorangan turut memperjuangkan Falsafah Pendidikan Islam. Melalui falsafah pendidikan ini, pendidikan sedia ada perlu dirombak agar selaras dengan pendidikan Islam dan saranan kepada penambahan bilangan IPT meliputi maktab perguruan Islam, kolej universiti Islam serta penubuhan universiti-universiti Islam sering dinyatakan di dada-dada akhbar agar pihak kerajaan segera bertindak. Ini dapat dilihat dalam *Majalah al-Islah*, beberapa rencana ditulis mengenai penubuhan kolej universiti dan universiti Islam. Dan antaralain, isu yang disentuh melibatkan ilmu pengetahuan, dasar pendidikan negara, serta sains dan teknologi.

Di dalam bidang politik pula, timbul kesedaran untuk menerapkan semula nilai-nilai Islam ke dalam sistem pentadbiran negara. Teguran-teguran dan nasihat diberikan kepada para pegawai dan kakitangan kerajaan supaya bekerja mengikut tuntutan syariat

Islam agar sentiasa bekerja bersungguh-sungguh, rajin, tekun, amanah, jujur, cekap dan mencari keredhaan Allah.Dalam cabaran globalisasi kini, *al-Islah* menyentuh mengenai beberapa isu yang dianggap penting bagi membantu masyarakatnya agar sedar dan sentiasa terarah ke arah kebaikan.Terdapat beberapa topik dikupas berdasarkan isu-isu yang berbangkit pada ketika itu.Antaranya ialah struktur pentadbiran, kaedah pengkritikkan yang berkesan dan pentingnya meningkatkan jumlah bilangan penduduk sebagai simbol pertahanan negara.

Selain itu, tidak ketinggalan juga dalam bidang perundangan, selepas negara mencapai kemerdekaan isu perundangan tidak menjadi tumpuan yang sewajarnya kerana negara sedang menghadapi masalah ketidakstabilan politik dan budaya.Keadaan ini menyebabkan undang-undang Islam tidak diletakkan di tempat yang sewajarnya. Akhirnya undang-undang Islam disempitkan dalam urusan pernikahan, perceraian, pembahagian harta pusaka dan hal-hal berhubung aspek kekeluargaan semata-mata.Oleh yang demikian dengan kebangkitan semula Islam, masyarakat mulai sedar akan pentingnya mempraktikkan undang-undang Islam di Malaysia. Pelbagai saranan dan cadangan diusulkan kepada kerajaan agar skop perundangan Islam diperluaskan bukan sahaja dalam lingkungan undang-undang kekeluargaan, malah meliputi kesemua bidang termasuk hudud dan sebagainya.Maka *al-Islah* mengupas mengenai bahagian rang undang-undang Islam dan persoalan hukum hakam dalam usahanya untuk memberi pendedahan kepada masyarakat umum bahawa undang-undang Islam itu bersifat sejagat.

Seterusnya, sungguhpun ekonomi pasca kemerdekaan memperlihatkan adanya usaha-usaha pembangunan ke arah memajukan ekonomi orang Melayu telah giat dijalankan, namun soal kemiskinan dan pemunggiran masih menghantui orang-orang Melayu. Dengan dibentuk Dasar Ekonomi Baru, pengagihan tanah-tanah rizab dan subsidi sedikit sebanyak telah mengurangkan beban yang ditanggung oleh masyarakat

desa. Ini dibuktikan dengan Rancangan Malaysia Kedua (RMK 1971-1975) dan Rancangan Malaysia Ketiga (RMT 1976-1980). Di mana pihak kerajaan berusaha mengagihkan tanah-tanah kerajaan untuk diusahakan. Pada tahun 1970 kadar kemiskinan mengikut kaum, Melayu menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu sebanyak 73.8 peratus berbanding kaum Cina yang hanya 17.2 peratus dari jumlah keseluruhan 1,606 keluarga. Begitu juga dengan pemberian subsidi. Keadaan ini menambahkan pergantungan rakyat sepenuhnya kepada pihak kerajaan.

Masyarakat Melayu mulai ‘manja’ untuk berusaha sendiri. Bantuan-bantuan dari pihak kerajaan telah menjadikan sebahagian dari mereka malas untuk berusaha. Bagi mereka cukup sekadar apa yang dimiliki tanpa perlu kepada persaingan yang sengit. Akibatnya masyarakat Melayu telah terkebelakang berbanding kaum lain yang sebelum ini tidak diiktiraf kerakyatan mereka berusaha untuk memajukan diri dalam bidang perniagaan bagi meningkatkan ekonomi bangsa mereka. Di sinilah salahnya orang Melayu. Sikap yang sambil lewa telah menyebabkan peluang di depan mata direntap oleh kaum lain. Cabaran yang terpaksa dihadapi di Malaysia kini ialah ‘siapa cepat dia dapat’. Siapa yang cepat berusaha dan berani merebut peluang akan mudah untuk berjaya. Sebaliknya siapa yang lambat akan sentiasa ketinggalan malah akan terus terpinggir.

Tambahan pula, dengan pertambahan bilangan penduduk telah menimbulkan pelbagai masalah ekonomi. Masalah pengangguran dan ketidakadilan dalam pengagihan turut menjadi perbincangan di dalam *Majalah al-Islah*. Di samping itu, nilai kerohanian dan etika di dalam ekonomi turut perlu dipertingkatkan. Konsep kesederhanaan, *infāq* (berbelanja di jalan Allah), pengharaman riba dan ketekunan dalam mencari rezeki serta permintaan kepada institusi-institusi kewangan seperti Skim Perbankan Tanpa Faedah, Insurans Islam, Takaful, Pajak Gadai Islam atau ar-Rahn, Tabung Haji, Sistem Pungutan Zakat, Sistem Pengurusan Wakaf, Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam

adalah antara isu-isu yang dibincangkan dalam menerapkan cara hidup Islam yang boleh dilihat di dalam keluaran *al-Islah*.

Manakala isu sosio-budaya pula, *al-Islah* telah menegur sikap dan budaya orang Melayu yang banyak terpengaruh dengan budaya Barat. Budaya meminum minuman keras (toast-upacara minum selamat dengan wine), majlis tari-menari sering menjadi ikutan seperti di dalam majlis sosial yang dianjurkan oleh Barat. Dari segi gaya berpakaian, majoriti pelajar-pelajar Islam pada ketika itu memakai skirt dan mini skirt tidak ubah seperti pelajar-pelajar bukan Islam. Menyedari hakikat ini, pertubuhan-pertubuhan Islam seperti ABIM, PKPIM, Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM), *al-Islah* dan sebagainya giat berusaha memperbaikinya.

Selain itu, pergaulan juga turut menjadi isu agar pemahaman Islam itu meliputi keseluruhan cara hidup. Penerapan budaya salam turut menjadi pertikaian dari sapaan berbentuk kebaratan seperti “hello”, “good bye” dan sebagainya berubah kepada “Assalamualaikum” dan dibalas dengan “Waalaikummussalam” dan salam sejahtera bagi yang bukan beragama Islam. Bagi majlis-majlis keramaian, mesyuarat dan sebagainya akan dimulakan dengan kalimah-kalimah suci sebagai pembuka bicara. Dan etika pemisahan tempat duduk di antara lelaki dan perempuan juga turut diterapkan agar batas pergaulan dan fitnah dapat dielakkan.

Dari sudut kesenian pula termasuklah seni sastera, seni bina, seni suara, seni muzik, seni ukir, seni hias dan seni lakon menjadi perbincangan para cerdik pandai. Persoalan hukum mula menjadi perdebatan di antara alim ulama. Contohnya seperti penggunaan alat muzik bertali, lakonan bersentuhan di antara lelaki dan wanita yang bukan muhrim dan penayangan filem-filem lucah. Antara yang dipaparkan di dalam *al-Islah* terdapat beberapa buah rencana yang menyentuh mengenai seni muzik dan seni persembahan berlandaskan syariat Islam.

Justeru itu dari kajian yang dijalankan ini dapatlah disimpulkan bahawa Tuan Haji Yusof Rawa merupakan salah seorang tokoh islah yang sentiasa terkehadapan. Pemikirannya yang kritis terhadap isu-isu semasa banyak memberi sumbangan kepada generasinya hingga kini. Kemunculan *Majalah al-Islah* adalah suatu idea yang amat berasas. Realiti pada ketika itu yang masih mempraktikkan bahan percetakan sebagai sumber penyebaran yang penting telah memberi peluang kepada *al-Islah* untuk hidup subur di Semenanjung Malaysia, Brunei, Singapura dan Indonesia. Idea-idea pembaharuan di dalam bidang politik, ekonomi, pendidikan, sosio-budaya dan perundungan menjelaskan kepada kita bahawa majalah ini sentiasa mengikuti arus perkembangan islah Kaum Muda.

Dan apa yang istimewanya mengenai majalah ini, ia dilihat tidak begitu keras dalam membangkitkan isu-isu yang relatif di masa itu berbanding *al-Imām*. Isinya tidak lagi garang dan pedas dalam memberikan teguran kepada masyarakatnya. Ini kerana *al-Islah* bertatih dari *al-Imām*. Melihat pendekatandigunapakai, ia selaras dengan perkembangan era selepas merdeka. Jika *al-Imām* dilihat agak bersifat terbuka, keras dan garang dalam memberikan teguran, berbeza dengan *al-Islah* yang lebih bersifat menerangkan kepada masyarakatnya dengan lebih lunak didengar dan mudah untuk diikuti serta memberi kesan yang mendalam dalam pemikiran masyarakatnya. Ini kerana, kita ketahui bahawa setiap insan itu tidak akan terkesan jika diberi teguran dan herdikan dengan kasar. Oleh itu kaedah psikologi dan metode penyampaian yang jelas perlu digunapakai dalam memberi pendedahan kepada masyarakatnya.

Kegagalan *al-Imām* juga dalam mempengaruhi dan memberikan kesan yang signifikan seperti yang pernah dinyatakan oleh Dr. Faisal Abdul Hamid (2012) sebelum ini di dalam tesis beliau, telah memberi satu pengajaran dan proses pembelajaran dalam menerbitkan *al-Islah*. Antara perkara yang dipelajari, dari segi pendekatan isu ia perlu kepada kerelevanan, dan pendekatannya lebih banyak kepada mendedah dan

memperkenalkan tanpa adanya hujah atau perbincangan yang agresif. Inilah yang dikatakan pendekatan deskriptif dan membincangkan serta mengungkap isu-isu yang agak relatif dengan realiti hidup semasa. Sikap dan perlakuan serta pemerhatian yang dirasai oleh Tuan Haji Yusof Rawa telah memberikan suatu suntingan baru bagi kesinambungan perkembangan persuratkhabaran Melayu bercorak islah.

Maka kelahiran *Majalah al-Islah* dilihat sebagai suatu inisiatif dan wakil kepada suara islah dalam era 70-an bagi menggantikan suara *al-Imām* (1906), *Neracha* (1910), *Tunas Melayu* (1913), *al-Ikhwān* (1926) dan *Saudara* (1934) yang lahir sebelum merdeka. Pemilihan tahun 70-an dalam penerbitan *al-Islah* di Pulau Pinang adalah suatu yang amat mustahak. Ini kerana kehangatan puncak islah mula dirasai oleh setiap masyarakat terutamanya generasi berpendidikan Islam. Tuan Haji Yusof Rawa sendiri sebagai pengasas majalah ini pernah menyatakan bahawa “*umat Islam di Malaysia harus menjadikan tahun 1970 M/1390 H sebagai tahun memulakan gerakan dakwah yang lebih cergas, lebih dinamis daripada gerakan di dalam tahun-tahun yang sebelumnya*”. Ini kerana, setiap hati manusia itu “*selalu melupai tugasnya dan konsep perjuangan hidupnya di muka bumi ini, ialah sebagai hamba Allah yang mesti dihiasi lembaran sejarah hidupnya dengan amal ibadah semata-mata kerana Allah s.w.t.*”.

Maka tidak syak lagi jika dikatakan bahawa *Majalah al-Islah* merupakan kesinambungan daripada penerbitan majalah bercorak islah sebelum merdeka. Begitu juga dengan isu-isu yang diketengahkan, ia sarat dengan berita-berita semasa selari dengan kerelatifan zamannya. *Majalah al-Islah* sering merasai bahang kehangatan masyarakatnya yang dahagakan bahan-bahan bacaan sepertinya.

#### **4. Saranan Dan Cadangan**

Dan sebelum mengakhiri kajian ini, suka untuk pengkaji menyatakan beberapa buah saranan dan cadangan yang dirasakan perlu diberi perhatian oleh semua pihak. Antaranya adalah seperti berikut:

##### **4.1 Media massa dijadikan sebagai pendidik masyarakat**

Media massa seharusnya menjadi pendidik yang berguna kepada masyarakatnya. Penyebaran maklumat mengenai berita dan rencana-rencana yang dipaparkan perlulah relevan dan mengandungi ilmu pengetahuan yang berguna kepada pelbagai lapisan masyarakat. Atas dasar kesedaran ini, sewajarnya pihak kerajaan dan badan penyiaran memantau pergerakan akhbar dan majalah agar tidak berlakunya sebarang bentuk propaganda dan hasutan yang boleh mencetuskan huru-hara di kalangan rakyat. Begitu juga, para ulama dan institusi agama merupakan badan terpenting dalam memperbaiki akhlak masyarakat wajar mengadakan suatu pendekatan dengan mengadakan pelbagai forum yang lebih bersifat keagamaan. Di samping itu, penyebaran kisah-kisah Nabi dan Rasul dalam periyatannya memperlihatkan bagaimana Islam berkemampuan menyelesaikan masalah dan penyakit dunia. Oleh itu, dengan adanya para cendiakawan dan ahli akademik diharap dapat menyalurkan idea-idea yang bernes dalam menghadapi kemelut kemunduran masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khususnya.

##### **4.2 Mengislahkan diri sendiri**

Tidak adanya kesedaran di dalam diri setiap insan menjadi punca utama kegagalan dalam hidupnya. Kerja keras dan tindakan pihak kerajaan dalam mengadakan pelbagai program keagamaan tidak akan berhasil jika tidak

disertakan dengan kesedaran untuk mengisahkan diri sendiri. Banyak pihak mula menuding jari ke arah pihak kerajaan, namun perlu diperhalusi punca sebenar permasalahan itu berlaku. Seharusnya institusi kekeluargaan memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak dalam memberikan pendidikan keagamaan. Ibu bapa menjadi pemangkin utama dalam memberi bimbingan dan contoh tauladan yang baik kepada anak-anak. Ibu bapa juga tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab kepada guru dan persekitaran dalam membentuk sahsiah anak-anak.

Di samping itu, perbanyak juga koleksi buku-buku atau majalah-majalah agama dan ilmu pengetahuan di rumah. Malah ibu bapa juga memperdengarkan kisah-kisah Rasulullah dan nasihat-nasihat dari Rasulullah kepada anak-anak serta mengaitkan dengan keunggulan dan kebenaran Islam dengan isu-isu semasa yang berkaitan di samping harus pandai membuat kawalan terhadap kemudahan sains dan teknologi serta media hiburan supaya jangan sampai memperdayakan anak-anak.

#### **4.3 Mengamalkan budaya berfikir**

Amalan, kegiatan, majlis fakir atau kegiatan berfikir adalah sesuatu yang amat digalakkan oleh Islam. Berfikir mengenai perkara-perkara yang boleh meningkatkan keimanan dan ketakwaan amat perlu dihidupkan dalam membentuk kerangka pemikiran yang positif. Menyelusuri kepada sejarah Islam, Khalifah Abu Bakar as-Siddiq merupakan contoh terbaik yang harus dicontohi. Beliau dikatakan sering duduk borseorangan apabila menghadapi sebarang kesusahan dan mula berfikir bagaimana cara untuk menyelamatkan diri dari terjerumus ke dalam api neraka. Dan perbuatan itu dipuji oleh Rasulullah s.a.w.

kerana dengan berfikir dan bermuhasabah diri, ia akan mendekatkan diri kepada Pencipta dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri ke arah kebaikan.

Oleh itu, umat Islam disarankan menghidupkan kembali budaya berfikir yang kritis untuk menentang kemaraan unsur-unsur yang boleh menjelaskan keimanan seseorang. Seperti ada pepatah yang menyatakan bahawa, “jika diasah belakang parang lama-lama ia akan menjadi tajam”. Begitulah juga dengan nilai iman dan ketakwaan, ia perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa bagi memastikan ia terus mekar dan dijolok ia mampu bertahan. Namun dalam usaha menyuburkan semula budaya berfikir ini, soal kawalan perlu diberi penekanan agar kelak tidak timbul sikap prejedis terhadap pegangan akidahnya sendiri.

#### **4.4 Meningkatkan kefahaman ilmu**

Cabarannya umat Islam dewasa ini ialah kurangnya ilmu pengetahuan dalam menangkis serangan golongan Kristian dan Yahudi. Tanpa adanya pemahaman ilmu pengetahuan yang meluas dengan mudah umat Islam akan terpesong. Oleh itu, kekuatan umat Islam harus dipertingkatkan demi menghapuskan pengaruh dan serangan yang dilancarkan terhadap umat Islam. Pertama, perlunya kepada pengkajian yang mendalam terhadap kajian-kajian terdahulu dan juga kajian-kajian berbentuk moden. Pengkajian ini harus dipelajari secara kritis dan teliti berpandukan ukuran dan timbangan al-Quran dan sunnah. Di mana kajian berbentuk kritis ini akan mampu menyaring dan membezakan di antara ilmu benar dan salah dapat dijelaskan kepada umum melalui penulisan, seminar, persidangan, perbincangan, diskusi dan hasil dari pertikaian tersebut akan dapat ditemukan suatu kerangka teori baru dalam memantapkan pemikiran umat Islam.

Tambahan pula, para ulama dan cendiakawan Islam perlu saling berganding bahu dalam mencari jalan penyelesaian jika berlakunya salah faham dalam usaha pengkritikan. Di samping itu, mahasiswa pasca sarjana juga digalakkan mengadakan satu indeks tema-tema kajian mereka dalam bidang kemanusiaan dan sosial agar dapat dimanfaatkan di masa akan datang. Selain itu, perlunya juga kepada perkembangan yang dinamik di dalam pelbagai bidang pemikiran Islam. Persekutaran yang harmoni dan iklim intelektual yang kondusif dan menggalakkan mampu melahirkan tradisi keilmuan yang komprehensif, seimbang dan sepadu. Pemikiran Islam tidak akan subur dalam tradisi ilmu yang sempit dan sekular.

## 5. Penutup

Oleh yang demikian, pengkaji melihat *Majalah al-Islah* amat unik untuk dikaji. Selain dari penatapan isi yang sarat dengan teguran-teguran berbentuk islah seperti menggalakkan orang Melayu mengikuti perkembangan politik, ekonomi, pendidikan dan menggesa mereka agar peka dengan persekitaran, kajian mengenai majalah ini juga masih kurang dijalankan dan masih terdapat kekurangan di dalam kajian ini yang perlu diteruskan oleh generasi akan datang. Kelompongan dalam menganalisis kekerapan isu yang dibangkitkan, penilaian terhadap sistem ejaan Jawi, kajian biografi terhadap penulis-penulis rencana *al-Islah* dan keterbatasan pengkajian yang hanya memfokuskan kepada idea-idea pembaharuan semata-mata tidak memungkinkan pengkaji untuk mengkaji secara keseluruhan di dalam majalah ini. Oleh itu, masih banyak yang perlu diterokai lagi dan diharap masih ada yang berminat untuk menyempurnakannya.

Walaupun terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi dalam menyiapkan kajian ini, namun ia tidak mematahkan semangat pengkaji untuk menyelesaiannya. Sistem pengurusan Perpustakaan Peringatan Za'ba yang agak ketat tidak membentarkan

bahan-bahan dibawa keluar dan difotostat dalam kuantiti yang banyak agak meralatkan pengkaji untuk turun naik ke Za'ba. Walaupun koleksi di Za'ba dilihat agak lengkap bilangannya (no panggilan: BP 1 IS), namun berkat usaha dan bantuan dari penyelia yang ada menyimpan jilid satu sebagai koleksi peribadinya sedikit sebanyak membantu pengkaji membuat analisis di rumah. Dan hasil tinjauan lain, koleksi *Majalah al-Islah* juga boleh diperolehi di Perpustakaan Negara di bahagian koleksi majalah dan akhbar.

Justeru itu, diucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Dr. Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid selaku penyelia dan Ketua Jabatan, kerani jabatan Puan Soffi Haidar (dahulu) dan Puan Suzana, Dr. Mohd Roslan Mohd Noor, Prof. Madya Dr. Ahmad Zaki Berahim @ Ibrahim, Prof. Madya Dr. Tatiana Denisova, Dr. Fadila Grine, Dr. Tariq Ladjal, Puan Norhayati Haji Hamzah, Dr. Abdullah Yusof, Dr. Aizan Ali, Dr. Nurul Wahida Mohd Fauzi para pensyarah di Akademi Pengajian Islam, rakan-rakan yang banyak membantu, dan tidak lupa juga kepada ahli keluarga terutama suami tercinta Mohd Azmi bin Mat Nawi serta informal-informal yang banyak membantu menjayakan penulisan disertasi ini. Diharap dengan hasil kajian ini akan dapat memberi manfaat dan menyumbang kepada suatu penemuan baru di dalam bidang persuratan Islam.

Oleh itu, dengan kesedaran yang ada diharap mampu menggerak dan mempengaruhi perkembangan generasi akan datang agar sentiasa berusaha meningkatkan usaha-usaha pengkajian dan membuat perancangan yang kerangka membina masa depan yang lebih baik kepada Islam dan umatnya. Antara persoalan yang harus difikirkan dengan serius ialah tentang peranan Islam dalam kehidupan masyarakat abad ke-21 dan peranan Islam dalam pembentukan dunia moden. Dan usaha-usaha bantuan tersebut tidak terbatas kepada orang Melayu semata-mata sebaliknya meliputi umat Islam seluruhnya. Segala bentuk amalan yang kurang sihat hendaklah dibanteras seperti perasaan hasad dengki, iri hati secara negatif dan semangat

meruntuhkan semangat orang lain perlulah dikikis dari jiwa orang Melayu dan Islam. Penatapan cara hidup Islam yang sebenar-benarnya akan dapat mengekalkan keharmonian dan rasa muhibbah akan melahirkan bangsa yang kuat, yang dapat dihormati oleh bangsa-bangsa lain.